

**DINAMIKA TAMADUN  
DAN  
KELEMAHAN UMAT ISLAM  
BERDASARKAN KEPADA ANALISIS  
AMIR SHAKIB ARSALAN**

**OLEH  
Khairul Azmi Mohamad  
&  
Nooraini Othman**

# **DINAMIKA TAMADUN DAN KELEMAHAN UMAT BERDASARKAN KEPADA ANALISIS AMIR SHAKIB ARSALAN**

Oleh

[khairul@ilmuwan.org.my](mailto:khairul@ilmuwan.org.my) dan Nooraini Othman

## **ABSTRAK**

Artikel ini menganalisis dan membincangkan kedinamikan tamadun Islam dalam konteks kelemahan umat Islam yang dilihat semakin tertindas dan jauh terkebelakang. Perbincangan tertumpu kepada hujah-hujah dan alasan yang dikemukakan Amir Shakib Arsalan, seorang pakar sejarah dan wartawan terkenal kelahiran Lebanon. Apa yang dapat disimpulkan berdasarkan pengamatan dan hujah Amir Shakib Arsalan, umat Islam mesti mempelajari sejarah kebangkitan dan kejatuhan tamadun Islam dengan pendekatan yang konstruktif pendidikan dan pengilmuan. Secara umumnya, kelemahan umat Islam pada hari ini bukanlah pada kuantitinya tetapi pada kualitinya. Oleh itu kualiti kekuatan tersebut boleh dibina jika sekiranya umat Islam mengenali diri mereka sendiri. Artikel ini berhujah bahawa punca kekuatan itu terletak dalam diri manusia dan jiwanya. Penguasaan ilmu tidak kira ilmu sains dan teknologi, sains sosial mahupun bahasa adalah penting tetapi bergantung banyak kepada keupayaan intelektual dan kesungguhan umat Islam itu sendiri. Sikap umat Islam yang terlalu romantis terhadap kegemilangan tamadun Islam dahulu kala sebenarnya tidak akan membantu mereka untuk maju seperti mana negara-negara barat. Di samping itu, dunia Islam juga memerlukan kepimpinan yang mampu menyatukan mereka kembali. Ia bermula dengan kepimpinan seluruh negara Islam yang bersedia untuk bermuafakat dan menghurai isu ataupun permasalahan secara bersama. Wadah permuafakatan sudah ada iaitu melalui Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) yang boleh mewujudkan semangat ukhuwah Islamiah dan bukannya kepentingan negara bangsa ataupun lebih buruk lagi mewakili suara orang luar (yang memusuhi dunia Islam) yang mana peranannya tidak ubah seperti juru bicara semata-mata.

## PENDAHULUAN

Pengertian budaya boleh membawa kepada pelbagai dimensi dan maksud. Walaupun demikian budaya sering dikaitkan dengan cara hidup.<sup>1</sup> Lantas tergambar dipemikiran bahawa takrifnya itu menyamai istilah Islam yang merujuk *ad-Deen* sebagai satu cara hidup. *Ad-deen* merujuk kepada budaya ataupun cara hidup seorang Muslim yang berteraskan titah perintah Allah S.W.T. melalui al-Quran serta sunnah rasulNya, Muhammad S.A.W. yang diutus bagi menyempurnakan akhlaq yang mulia lagi terpuji (*makarim-al-akhlaq*) serta menjadi rahmat kepada sekalian alam (*rahmatan lil-‘alamin*).

Dalam konteks pembangunan tamadun pula, *ad-deen* merupakan satu budaya yang didasarkan kepada Islam melalui kepatuhan serta penghayatan kepada tuntutan al-Quran dan as-Sunnah. Tegak dan jatuhnya suatu tamadun itu banyak dipengaruhi oleh faktor budayanya. Dalam pemahaman yang luas, tamadun yang kita maksudkan itu adalah manusianya sendiri dan dalam masa yang sama pencapaiannya dalam pelbagai bidang. Dalam kata yang kasar dan ringkas, komposisi tamadun itu adalah orang dan barang.

Era kegembilangan tamadun Islam sememangnya menjadi kebanggaan umat Islam seluruhnya. Namun, bukanlah suatu yang produktif untuk menjadi seseorang sentiasa romantis terhadap pencapaian silam. Umat yang dinamik akan berusaha untuk mengembalikan kegembilangan tersebut di zaman ini dengan menggunakan pendekatan yang paling praktikal. Umat Islam hari ini perlu belajar dari kesilapan silam supaya tidak terperangkap dengan mengulanginya. Ini sesungguhnya telah terkandung dalam wahyu Allah yang menekankan bahawa:

*Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri.*<sup>2</sup>

Pada hari ini cabaran ketamadunan umat Islam semakin ketara. Umat Islam sedang melalui zaman lemah dan keperluan membina semula tamadun. Iktibar perlu diambil dalam konteks hari ini terhadap kekuatan Amerika Syarikat dan Eropah. Mereka menguasai ilmu, ekonomi, ketenteraan dan media.<sup>3</sup> Segenap kelemahan umat Islam perlu diganti dengan pembangunan kekuatan. Bila penyebab kemenangan sudah lengkap, maka kemenanganlah yang akan diperolehi. Tidak satu umat pun terkecuali dalam *sunnatullah* ini.<sup>4</sup> Dalam usaha mencapai kemenangan, kita melihat bahawa bangsa-bangsa besar dunia tidak membuang warisan mereka bahkan mengelak dari melakukan perkara-perkara yang boleh membawa mudarat kepadanya. Itulah nilai kebebasan mereka.<sup>5</sup> Amat mudah untuk dibuat identifikasi dan korelasi bahawa nilai-nilai yang dipertahankan itulah sebenarnya lambang kemerdekaan mereka.

Apa yang penting ditekankan di sini ialah kehebatan retorik dan kemampuan berslogan tidak mampu meletakkan umat Islam untuk diukur sama tinggi dengan bangsa-bangsa yang dianggap agung di dunia. Umat Islam hanya mampu bangkit dan mencatat sejarah kegemilangannya sendiri pada hari ini untuk turut dibanggakan oleh generasi akan datang dengan agenda kerja yang realistik, komitmen yang padu dan permuafakatan yang jitu. Soalnya, apakah umat Islam bersedia untuk pasrah dipandang lemah dan berterusan dihina walaupun di tanah air sendiri? Apakah al-Quran dan sunnah sudah kurang dihayati lagi ataupun sekadar dilihat dari aspek perundungan dan hukuman serta ritual semata-mata? Di mana kelemahan kita? Apakah remedinya?

Artikel ini cuba menjawab persoalan-persoalan tersebut dengan merujuk secara khusus pemikiran yang dilontarkan oleh salah satu tokoh pemikir Islam yang terkenal, Amir Shakib Arsalan. Amir Shakib Arsalan (1869-1946) lahir dari keturunan ternama Druz di Lebanon. Beliau juga sangat terkenal di kalangan sarjana Arab sebagai *Amir Al-Bayan* (Putera yang Fasih). Beliau merupakan rakan seperjuangan Shaikh Muhammad Rashid Ridha. Beliau turut dipengaruhi oleh pemikiran Shaikh Muhammad 'Abduh. Amir Shakib Arsalan turut dikenali sebagai pakar sejarah dan jurnalis yang ulung di zamannya.

## **ZAMAN JAHILIAH DAN MOTIVASI AKIDAH SEBAGAI ZAMAN PEMBINAAN**

Masyarakat Arab hidup dalam kegelapan dan tidak punya pedoman sebelum kedatangan Islam. Mereka sstу bangsa yang tidak bertamadun sehingga digelar ‘jahiliah’. Mereka bangsa yang zalim, penuh dengan penindasan, manusia dan harta dieksplorasi semahunya tanpa ada peraturan yang mengawal, dan wanita diletakkan di tempat yang rendah serta boleh dijadikan bahan dagangan dan dibunuh ataupun diperlakukan apa sahaja semahunya. Ketika itu, nabi Muhammad, manusia yang agung lagi mulia mengambil sikap mengasingkan diri dan membersihkan dirinya dari kejahilan dan budaya hidup paganistik bangsa Arab. Baginda menghindarkan diri dari pengaruh buruk itu dan bermunajat di gua Hirak.

Sedang baginda bersendirian di dalam gua, muncullah utusan Allah, malaikat Jibril membawa wahyu pertama. Ayat pertama diturunkan berbunyi “Iqra” yang membawa perintah membaca.<sup>6</sup> Satu perintah yang cukup signifikan, yang mencetuskan permulaan tamadun baru manusia.<sup>7</sup> Selama 23 tahun, ayat demi ayat diturunkan, bermula di zaman Mekah dan bersambung di zaman Madinah, situasi masyarakat turut berubah. Ketamadunan dan kemanusiaan telah mula bersebatи dengan bangsa Arab yang berpecah kepada puak dan kabilah dengan ikatan akidah dan simpulan ukhuwah Islamiyah. Mereka menjadi umat yang bersatu di bawah panji-panji Islam dan terbinalah kekuatan yang tiada tolok bandingnya. Zaman demi zaman berlalu, kepimpinan berpindah dari Rasul kepada sahabat, bani Ummayah kepada Abasiah sehingga kepada empayar Uthmaniah. Islam telah menjadi kuasa besar sehingga menguasai tiga suku dunia. Segalanya berbekalkan kekuatan ilmu dan keimanan serta berkat perpaduan.

Ternyata Islam menjadi agen perubahan yang sangat besar kesannya kepada dunia pada ketika itu. Ia bermula dengan proses penanaman akidah yang dimulakan oleh Rasulullah. Berbekalkan akidah yang suci dan murni, manusia jahiliah mula mengenal Allah sebagai Tuhan yang disembah dan kekuasaanNya sebagai Yang Maha Mencipta dan Maha Mentadbir seluruh urusanNya. Isi kandungan al-Quran semakin dipelajari, difahami dan dihayati. Sememangnya al-Quran membudaya dalam hidup generasi yang cinta kepada Allah dan RasulNya. Rasulullah pernah berwasiat semasa peristiwa Haji terakhir Baginda:

*Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, dan kamu tidak akan sesat selamanya selagi kamu berpegang kepada keduanya, iaitu Kitab Allah dan Sunnah RasulNya*

Kewafatan Rasulullah menyaksikan empayar Islam semakin berkembang. Yang indahnya, Islam dan empayarnya tidak berkembang dengan kekuatan mata pedang. Pererangan hanya dijustifikasi apabila musuh Islam datang mengancam dan menyerang. Keindahan ajaran Islam yang dipegang teguh oleh para penganutnya dan diterjemahkan oleh mereka dalam segenap ruang lingkup kehidupan telah memikat serta menawan hati setiap yang melihat dan memahaminya. Islam berkembang dengan kegigihan dakwah yang dilaksanakan dengan penuh hikmah. Firman Allah sebenar-benarnya dihayati:

*“Serulah (manusia) ke jalan Tuhanmu dengan penuh hikmah dan contoh tauladan yang baik, dan berdebatlah dengan mereka dengan debat yang baik.”<sup>8</sup>*

Adab dan akhlak terus menjadi paksi kepada keteguhan generasi ini. Mereka amat menjaga batas hubungan dengan Allah dan sesama manusia. Keindahan bahasa dan tingkah laku mereka sangat memikat dan menyerlahkan kehalusan serta kemuliaan Islam. Mereka sebenar-benarnya menjadikan Rasulullah model ikutan. Ingatan Allah dalam al-Quran:

*Sesungguhnya pada diri Rasulullah itu terdapat contoh tauladan yang baik bagi mereka yang mengharapkan keredhaan Allah dan kebahagiaan hari akhirat serta bagi mereka yang mengingati Allah sebanyak-banyaknya.<sup>9</sup>*

Halusnya pekerti mereka sehingga mereka mampu menghayati pesanan Rasulullah:

*Orang Islam adalah mereka yang menyelamatkan orang Islam yang lain dari bencana lidah dan tangannya.*

Kepimpinan Rasulullah yang unggul, penuh dengan kebijaksanaan, berketerampilan tinggi, berpekerti mulia, dihiasi dengan ketabahan, dan yang istimewanya disertai dengan nilai kasih sayang telah menjadi ikutan para khalifah selepas baginda. Mereka meneruskan perjuangan Rasulullah membina Agama dan mentadbir urusan dunia dengannya. Inilah yang disebut oleh sarjana politik Islam yang ulung, al-Mawardi, dengan katanya, peranan kepimpinan negara adalah *hirasatuddin wa siyasatud-dunya bihi* (memelihara Agama dan mengurus tadbir dunia dengannya).<sup>10</sup> Gabungan cirri-ciri tersebut telah menjadikan Islam bertapak kukuh dalam hati sanubari umat dan juga dunia sejagat.

## ZAMAN KEGEMILANGAN TAMADUN ISLAM

Islam mengajak umatnya meraih kebahagiaan dan kejayaan hidup di dunia dan akhirat. Seruan azan “*hayya ‘alal falah*” yang dikumandangkan lima kali sehari semalam berterusan menyeru manusia ke arah kejayaan. Tidak ada ajaran selain Islam yang sekrap itu menyeru manusia secara terbuka ke arah kejayaan. Namun reality umat dan dunia Islam pada hari ini sangat dipersoalkan. Islam pernah menempuh zaman kegemilangannya selama berabad dahulu. Umat Islam menjadi pencipta dan penguasa tamadun dunia. Bahkan pengiktirafan ini turut disebut oleh seorang sarjana terkemuka Barat, Professor Bernard Lewis dalam karyanya *The Muslim Discovery of Europe* bahawa ketika Eropah masih dalam kegelapan, mereka

sudah lama diperhati oleh dunia Islam dari kejauhan.<sup>11</sup> Begitulah hebatnya tamadun Islam.

Semangat ‘Iqra yang terkandung dalam wahyu pertama telah memotivasi umat Islam untuk meneroka khazanah ilmu bahkan menciptanya. Mereka menghalusi kebesaran Allah melalui alam semesta yang diciptaNya. Mereka terus mengkaji tanpa mengenal erti jemu dan putus asa. Beburung yang terbang diperhatikan, lantas difikirkan adakah manusia juga mampu terbang sepertinya. Mereka mengambil iktibar dari lambang kekuasaan Allah melalui ciptaanNya. Ini sangat menepati firman Allah yang bermaksud:

*Mereka yang mengingati Allah ketika dalam keadaan berdiri, duduk dan berbaring, lalu memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi, lalu mengucapkan, Tuhan kami sesungguhnya Engkau tidak menjadikan semua ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau maka hindarkanlah kami dari azab api neraka.<sup>12</sup>*

Kekuatan intelektual yang dibangunkan telah memungkinkan mereka merekayasa berbagai perkara yang tidak pernah muncul dalam sejarah peradaban manusia. Setelah satu fenomena diperhati, mereka merangka dasar teorinya, membuat hipotesis yang relevan, membuat uji kaji secara amali, dan dari analisis yang dibuat seterusnya menghasilkan satu keunggulan penemuan. Pendekatan saintifik dan bermetodologi ini telah sebatи dengan diri ilmuwan Islam sejak berzaman dahulu. Buktinya, banyak karya besar mereka yang terus mendapat tempat terutamanya di Barat sebagai rujukan teras terhadap pelbagai bidang ilmu.

Generasi ilmuwan ini sangat berminat dan bermotivasi tinggi dalam membuat penemuan baru. Pusat-pusat kecemerlangan ilmu umat Islam sama ada di Baghdad, Andalusia dan Kaherah seolah menjadi medan perlumbaan luas para sarjana Islam berkarya dan mereka cipta. Apakah di antara faktor yang merangsang mereka sehingga mampu berjaya sebegitu rupa? Di antara yang dapat dikemukakan, selain

daripada faktor yang bersifat fizikal, mereka sangat menghayati faktor rangsangan rohani. Ini meliputi firman Allah dalam al-Quran yang menyebut:

*“Wahai masyarakat jin dan manusia, sekiranya kamu berupaya untuk menembusi sempadan langit dan bumi, maka tembusilah. (Sesungguhnya) kamu tidak akan berupaya untuk menembusinya kecuali dengan kekuasaan.”<sup>13</sup>*

Para ulamak telah mentafsir makna kekuasaan itu sebagai kekuatan ilmu pengetahuan. Para ilmuan ini turut terangsang dengan faktor keredhaan Allah dan pahala yang diperolehinya daripada hasil usaha dan pencapaian mereka. Maksud ibadah dalam erti kata yang sangat meluas itu amat difahami oleh mereka.<sup>14</sup> Apa yang mereka usahakan bukan semata-mata soal kelangsungan hidup tetapi yang lebih utama mengharap kurniaan besar dari Allah. Mereka sangat mementingkan bagaimanakah usaha yang dilakukan itu mampu menyumbang kepada kesejahteraan manusia dan mempertingkat kualiti hidup mereka. Inilah asas mereka membina tamadun dunia.

### **TAMADUN ISLAM DAN ZAMAN GELAP EROPAH**

Era kegembilangan Islam ini barangkali dapat ditandai di penghujung kurun ke-7 dan awal kurun ke-8 di bawah kerajaan Umayyah. Namun zaman keemasannya dapat dikenalpasti di bawah penguasaan kerajaan ‘Abassiyah (750-1258) dan kerajaan Islam di Sepanyol (755-1492).<sup>15</sup>

Pusat-pusat pengajian dan perpustakaan mendiami sebahagian daripada komplek-komplek masjid. Kewujudan biasiswa dan dana-dana pendidikan sudah menjadi suatu yang lumrah. Para sarjana dan sesiapa sahaja yang datang mendalami ilmu sangat dipandang tinggi lagi dihormati. Kewujudan ‘Dar al-Hikmah’ di Baghdad pada kurun ke-9 di zaman Khalifah al-Ma’moon di antara lambang yang memperlihatkan kesungguhan dan komitmen khalifah terhadap pembangunan

tamadun. Ia menjadi pusat akademik yang utama, perpustakaan dan juga pusat penterjemahan.<sup>16</sup>

Di sebelah Barat pula, pusat penyelidikan yang utama adalah di Toledo (Sepanyol) di mana karya-karya besar Islam diterjemah dari Bahasa Arab ke Bahasa Latin terutamanya dalam bidang astronomi, matematik, perubatan, kimia, botani dan falsafah. Turut diberitakan bahawa Pope Sylves II telah menetap di Toledo selama tiga tahun dengan mempelajari astronomi, matematik, kimia, dan subjek-subjek yang lain di bawah asuhan para sarjana dan saintis Islam.

Hakikat di Eropah dalam konteks tamadunnya sebenarnya belum bermula lagi. Mereka berada dalam tempoh waktu yang dipanggil zaman kegelapan Barat. Menurut John Drapper, dalam artikelnya *The History of Intellectual Development in Europe*, sains sememangnya tidak mendapat tempat, bahkan ditekan di Eropah.<sup>17</sup> Sekiranya ada peristiwa alam yang berlaku, ia akan dinisbahkan kepada roh yang menghuni ataupun *spirits*. Apabila seseorang ditimpa sakit, si pesakit akan dibawa ke tempat ibadat di mana turut didiami oleh rahib mereka dan mengharapkan pemulihan melalui keajaiban. Senario ini berbeza sekali dengan ahli sains Islam dan pakar perubatannya yang bertungkus lumus membangunkan pelbagai kaedah diagnosis dan merawat penyakit.<sup>18</sup>

Terdapat sarjana yang cuba memperkecilkan kegemilangan sarjana sains Islam dengan melabelkan mereka sebagai sekadar pewaris tradisi keilmuan Greek. Keaslian sumbangan sarjana Islam ini sebenarnya tidak difahami. Segalanya sekadar miskonsepsi dan sangka buruk belaka. Pihak yang sangsi ini tidak memahami bahawa sarjana Greek sebenarnya tidak banyak memahami sejarah manusia dan keilmuan mereka banyak bergantung kepada spekulasi asas (rudimentary speculations) dan mereka sangat lemah dalam analisis saintifik terutamanya kajian beradas. Penelitian seumpama ini turut terpakai kepada tradisi keilmuan Roman.<sup>19</sup>

Pembicaraan tersebut memperlihatkan bahawa tradisi keilmuan Greek dan Roman sangat kurang mengaplikasikan kaedah uji kaji (experimentation) yang mana sebaliknya ia adalah merupakan teras kepada ketamadunan Islam dan prasyarat kepada pencapaian sains moden. Satu perkara yang menarik, Bahasa al-Quran iaitu keilmuan Arab, untuk beberapa kurun telah menjadi bahasa antarabangsa dalam penyelidikan saintifik dan perkembangannya sebagaimana Bahasa Inggeris memainkan peranannya pada hari ini. Masyarakat Eropah yang ingin mempelajari ilmu fizik, matematik, astronomi dan perbatan terpaksa berkunjung ke universiti-universiti di dunia Islam khususnya di Sepanyol. Kesannya, mereka yang cuba mempopularkan sains Islam ini telah dilabel sebagai pengikut Nabi Muhammad dan atas tuduhan tersebut, sarjana seperti Feather dan Roger Bacon telah dipenjara selama 14 tahun.<sup>20</sup>

Ilmu Sains Islam sebenarnya telah sampai ke Eropah semenjak kurun ke-12. Zaman Renaissance Eropah hanya berlaku di kurun ke-14. Kewujudan universiti-universiti di Eropah adalah berpunca daripada banyaknya ilmu yang telah diperolehi dan dipelajari dari umat Islam termasuklah kaedah-kaedah saintifiknya. Apa tidaknya, ketika orang Eropah menegaskan secara bermati-matian bahawa bumi ini satu permukaan rata, umat Islam sudah mempelajari ilmu geografi dengan menggunakan glob. Sarjana Islam ini sebenarnya sudah mengambil insiprasi dari al-Quran untuk menegaskan bahawa bumi ni berbentuk sfera. Teori graviti Isaac Newton itu asalnya bukanlah diperolehi daripada pengamatannya terhadap epal yang jatuh ke tanah, tetapi ia berasaskan penemuan yang lebih awal oleh Muhammad Ben Mousa yang telah menyatakan tentang wujudnya medan yang mempunyai tarikan (graviti).<sup>21</sup>

Situasi malang bagi umat Islam adalah pertamanya mereka mungkin sama sekali tidak ataupun kurang mengetahui sumbangan besar Islam dalam pembangunan tamadun dunia. Keduanya ialah kerana mereka terlalu bersikap romantis terhadap pencapaian silam tanpa kegigihan usaha untuk mengembalikan kegemilangan tersebut di zaman ini.

## MENGHAYATI AL-QURAN: MATA BERPANDANGAN BUDI KEDAPATAN

Syiekh Muhammad al-Ghazali membuat analisis yang semestinya diberikan perhatian secara mendalam serta dilaksanakan segera saranannya. Beliau melihat bagaimana umat Islam ini masih berada di tahap yang rendah sedangkan mereka diberikan pedoman wahyu iaitu al-Quran. Menurutnya, pengabaian tentang aspek maknawi al-Quran yang menjadi punca keterbelakangan tersebut dibanding bangsa-bangsa lain.<sup>22</sup> Apa yang banyak disaksikan pada saat ini, ramai di kalangan umat Islam membaca al-Quran kerana mengharapkan barakah tetapi sangat kurang yang mengkaji dan menghayati maknanya secara mendalam sehingga mampu menilai apa yang terkandung di sebalik pernyataan ayat-ayat al-Quran itu.<sup>23</sup>

Dalam al-Quran Allah berfirman yang bermaksud:

*Ini adalah sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu penuh dengan barakah supaya mereka memerhatikan ayat-ayatnya dan supaya mendapat pelajaran orang-orang yang mempunyai fikiran*<sup>24</sup>

Ayat ini memberi penekanan kepada aspek mengingat, mengkaji dan memikir.<sup>25</sup> Selanjutnya Allah memberikan ingatan yang bermaksud:

*Dan orang-orang yang apabila diberi peringatan dengan ayat-ayat Tuhan mereka, mereka tidaklah menghadapinya sebagai orang-orang yang tuli dan buta.*<sup>26</sup>

Apa yang disebut menjiwai adalah adanya sosialisasi antara orang yang berkenaan dengan apa yang dibacanya dan jiwanya cenderung pada nilai-nilai kebenaran dari cerita –cerita atau pesan-pesan yang dibacanya untuk kemudian dipraktikkannya. Dia hidup di tengah-tengah semangat al-Quran dan yang terpancar darinya adalah perilaku al-Quran.<sup>27</sup>

Menurut Malik Bennabi, ada dua perkara yang dapat diperhatikan dalam kehidupan manusia seharian:

1. Nilai kelslaman kurang mempengaruhi tingkah laku individu tidak sebagaimana ia berperanan di zaman Rasulullah S.A.W.
2. Walau bagaimanapun, secara spontan ia mula mempengaruhi individu sebaik sahaja seseorang itu memasuki masjid.<sup>28</sup>

Berasaskan dua pendangan itu, Malik Bennabi merumuskan bahawa manusia itu lazimnya mampu mengawal integriti moralnya ketika berada di dalam masjid tetapi boleh berubah kepada sebaliknya apabila berada di luarnya pula.<sup>29</sup>

Apa yang sepatutnya berlaku, seorang Muslim sewajarnya mampu mempengaruhi persekitaran yang melingkunginya walau di mana jua dia berada. Namun, sebaliknya persekitaran pula yang mewarnainya lantas mengurangi nilai kelslaman yang diamalkannya.

Beransur kepada noktah kedua, ia memberikan gambaran juga bahawa seorang Muslim itu tidak berupaya mendapatkan persekitaran yang mampu membantunya menjaga integriti moralnya, lantas hanya apabila di bawah aura masjid barulah integritinya terpelihara.<sup>30</sup> Sepatutnya orang Islam itu mampu mengurus hidupnya berteraskan nilai dan budaya Islam meski ketika itu dia sedang sibuk mengatur urusan dunia winya. Matlamat pembangunan tamadun itu hanya mampu direalisasi apabila nilai kelslaman itu turut dibawa dalam apa sahaja urusan manusia.

Oleh yang demikian, amatlah penting penataan dan pengorientasian semula dibuat terhadap umat Islam hari ini. Tugas utamanya adalah dengan memulihkan pendekatan kita mempelajari al-Quran agar ia sebenar-benarnya mampu menyerlahkan kebenaran al-Quran untuk dihayati dalam jiwa Muslim. Tugas keduanya adalah mengenal pasti misi kehidupan kita di zaman ini. Biarlah umat Islam mampu mempetahankan identiti dan nilai keislamannya walau di bumi mana ataupun dengan

siapa jua dia berada. Selanjutnya, umat Islam harus mampu secara berperingkat-peringkat untuk mempengaruhi dunia dan sekitarannya dengan kebenaran dan kehebatan Islam sehingga Islam diterima sebagai model kehidupan dan menjadi inspirasi bagi yang lainnya seumpama yang dilakukan Rasulullah di zaman awal Islam.<sup>31</sup>

Di sinilah barangkali kebenarannya apabila dikatakan bahawa kebudayaan Islam yang tak terlihat pada saat ini adalah disebabkan oleh sikap umat Islam yang jauh dari sumber aslinya, al-Quran dan as-Sunnah serta kurang kegigihan untuk bangkit dari kebekuan dan kejumudan dalam pemikiran umat Islam.<sup>32</sup>

### **ANTARA PUNCA KEJATUHAN DAN KELEMAHAN UMAT DAN TAMADUN ISLAM: MENILAI DARI JENDELA AMIR SHAKIB ARSALAN**

Al-Quran menyebut tentang manusia yang ditimpakan kehinaan. Ia dapat dijadikan asas untuk kita menilai sebahagian daripada faktor keruntuhan tamadun Islam.

Firman Allah:

*“Telah ditimpakan kehinaan di mana juga mereka berada, kecuali (mereka) yang (memelihara) hubungan dengan Allah dan hubungan dengan Manusia.”<sup>33</sup>*

Ayat ini secara jelas memperlihatkan bagaimana perpecahan yang melanda empayar Islam membawa padah yang sangat memusnah. Sejarah telah membuktikan bagaimana empayar Islam yang telah menguasai tiga suku dunia menjadi begitu kukuh. Ia menjadi kukuh kerana kepatuhan kepada Allah dan juga ketiaatan kepada pemerintah seorang khalifah, termasuklah yang terakhir pemerintahan khalifah Uthmaniah.

Apabila anggota dunia Islam semakin berminat untuk memerintah secara bersendirian dalam konsep negara bangsa, akibat termakan pujuhan dan hasutan kuasa Eropah yang sebenarnya berminat untuk menjajah mereka, mereka berpisah dari sistem pemerintahan dan pentadbiran khalifah. Kesannya, kerana inginkan kekuatan baru, mereka telah berpadu dengan kuasa Eropah dan akhirnya mereka terjajah. Penjajah amat sedar bahawa selagi dunia Islam bersatu, mereka punya satu kekuatan yang sukar ditafsirkan dan kekuatan ini tidak sekali-kali memungkinkan mereka menguasai atau menjajah negara Islam.

Situasi ini diburukkan lagi dengan kemunculan puak-puak yang bertelagah sesama Islam. Khawarij lebih rela mengkafirkan orang Islam yang tidak sependapat dengan mereka kerana ideologi politik yang berbeza. Muktazilah lebih bersedia untuk berpecah sesama Islam juga kerana memahami Islam secara taksub dan tidak sedia berbeza pendapat. Kedua-duanya mengambil sikap mentafsir Islam dan menghukum orang Islam yang lain berdasarkan hawa nafsu mereka.

Sehingga hari ini, sistem khalifah sudah tiada dan dunia Islam terus wujud sebagai negara-negara bangsa yang terpisah di antara satu sama lain. Barangkali peristiwa serangan Amerika dan sekutunya ke atas Iraq, sebelumnya Afghanistan dan penyelesaian isu Palestin yang tidak kunjung tiba merupakan sebahagian daripada petaka yang memperlihatkan padah hilangnya perpaduan dan kekuatan umat Islam. Apa yang ada hanyalah kehinaan dan jelas terpapar kelemahan dunia Islam pada tahap yang sangat mengecewakan.

Dalam tahun 1930, Amir Shakib Arsalan menulis *Limadha Ta-akhbar-al-Muslimun wa limadha Taqaddama Ghayruhum*.<sup>34</sup> Pada dasarnya ianya bermaksud ‘Mengapa Umat Islam Mundur dan Mengapa Orang lainnya Maju’. Buku ini pada asalnya adalah merupakan jawapan kepada soalan yang dikemukakan oleh seorang murid kepada Shaikh Muhammad Rashid Ridha, tokoh reformis yang menjadi penyunting Majalah al-Manar. Murid tersebut adalah Shaikh Muhammad Bisyooni Umran, seorang imam Maharaja Sambas di Kepulauan Borneo (Indonesia). Shaikh Muhammad Bisyooni

mencadangkan kepada Shaikh Muhammad Rashid Ridha agar Amir Shakib Arsalan memberikan jawapan kepada soalan yang dikemukakan sebagaimana yang tertera sebagai judul asal buku ini.

Menurut beliau punca perkembangan dan kemajuan umat Arab adalah agama Islam. Setelah puak dan kabilah yang pelbagai serta saling bertelagah itu menganut Islam, mereka menjadi satu dan terikat erat. Mereka keluar dari belenggu jahiliah kepada ketamadunan, menukar keras hati mereka dengan perasaan kasih sayang dan simpati, menghapus keberhalaan dan memperteguh pengabdian kepada Allah. Jiwa mereka yang lumpuh telah mendapat kecerasan baru yang mengarah mereka kepada kemuliaan, keunggulan, keselamatan dan kekayaan. Dalam tempoh sesingkat setengah abad mereka menjadi penguasa separuh daripada dunia.<sup>35</sup> Kalauolah tidak kerana pergolakan sesama sendiri yang bermula pada zaman akhir pemerintahan Khalifah ‘Uthman dan berlanjutan ke zaman pemerintahan Khalifah ‘Ali, mungkin mereka sudah dapat menguasai keseluruhan dunia dan tidak ada satu kuasa pun yang mampu menyekat mereka.<sup>36</sup>

Semasa era revolusi Industri di Eropah, kelemahan Islam jelas terpancar. Umat Islam tidak berperanan dan mengambil bahagian aktif dalam arus revolusi tersebut. Kesannya, umat Islam menjadi masyarakat pengguna terbaik. Mereka bukannya masyarakat pencipta. Lemahnya tahap mereka, sehingga sistem persenjataan yang digunakan untuk mempertahankan negara juga terpaksa diperoleh dari dunia Barat. Walhal, Allah telah mengingatkan kita melalui firmanNya:

*Dan hendaklah kamu membuat segenap persiapan sedaya upayamu dari segala bentuk kekuatan, (seperti) dari kuda perang, supaya dapat kamu gerunkan musuh Allah dan juga musuh kamu.*<sup>37</sup>

Dalam hal ini, Amir Shakib Arsalan melihat perkara seumpama ini dengan berbagai persoalan:

Bagaimana mungkin dapat diharapkan pertolongan Tuhan kalau usahanya tidak dilakukan?..Apakah mungkin seseorang itu menuju puncak jaya sekiranya dia tidak berhak menggapnya dan tidak pula memenuhi syarat yang sepatutnya? Apakah boleh dituai kalau tidak disemai? Apakah boleh sekadar mengharap pertolongan Tuhan jika tidak punya barang sedikitpun kelayakan bagi memperoleh pertolonganNya?<sup>38</sup>

Malangnya umat Islam sudah seumpama kehilangan semangat yang memacu mereka memenuhi tuntutan keimanannya. Semangat ini dilihat telah berpindah ke jasad musuh-musuh Islam, walhal mereka tidak pernah dibekalkan dengan wahyu sebagaimana nabi-nabi sebelum ini.<sup>39</sup>

Dalam membicarakan soal punca-punca utama kemunduran umat Islam,<sup>40</sup> beliau menjelaskannya sebagaimana berikut:

1. Perkara pertama yang disenaraikan sebagai punca kemunduran umat Islam adalah kejihilan. Ia digambarkan seumpama tidak dapat membezakan di antara arak dan cuka ataupun helang dan merpati. Beliau turut menyatakan bahawa penguasaan pengetahuan yang ‘setengah masak’ juga sebagai merbahaya.
2. Perkara kedua adalah keruntuhan akhlak. Bahkan akhlak disenaraikan sebagai syarat yang lebih penting dari kekayaan ilmu pengetahuan dalam menentukan kebajikan serta bangun dan jatuhnya sesuatu bangsa. Beliau memetik rangkap puisi penyair Arab terkenal, Ahmad Shawqi: *Bangsa (makmur) selagi akhlaknya teguh; Apabila akhlaknya runtuh, mereka juga turut runtuh.*

3. Perkara ketiga yang dinyatakannya adalah kelemahan pemimpin. Mereka hidup dalam dosa dan berakhlak rendah. Mereka menindas dan memperhamba rakyat dan tidak bersedia dibetulkan meskipun oleh para ulamak.
4. Perkara keempat adalah ulamak yang menjual ilmunya sebagai alat mengejar kemewahan dan kesedapan dunia. Segala perkara dijustifikasi atas nama Agama. Kesannya tersebarlah kerosakan dan pemesongan.
5. Perkara berikutnya adalah sikap bacul ataupun pengecut dan gementar. Umat Islam terdahulu adalah sangat berani dan digeruni.
6. Perkara yang turut dibicarakannya adalah sifat hilang keyakinan di kalangan umat Islam. Ia adalah merupakan di antara penyakit sosial yang sangat berat dan penyakit jiwa yang serius. Apabila sifat tersebut menguasai seseorang, ia menjadikan seseorang umat Islam itu kehilangan dirinya.<sup>41</sup>
7. Perkara seterusnya adalah pemikiran jumud dan bersikap keras. Satu pihak mahu membawa pembaharuan dan pihak yang lain pula mahu mempertahankan *status quo*. Akhirnya kedua-dua pihak iaitu yang mahu membawa permodenan dan yang konservatif ini bertembung sesama sendiri yang dengan sendirinya merosakkan Islam.<sup>42</sup>

Sememangnya orang membicarakan soal kekuatan musuh-musuh Islam yang lengkap dengan segala macam peralatan dan persenjataannya. Dalam keadaan ini, Amir Shakib Arsalan berpendapat bahawa "*it is man and his soul that does everything*" – punca kekuatan itu terletak dalam diri manusia dan jiwanya.<sup>43</sup> Apabila minda sudah dirangsang dan kekuatan keintelektualan dijana sepenuhnya, kita dengan sendirinya akan melihat kereta kebal, pesawat, senjata api, kapal selam, dan segala macam senjata yang diperlukan dapat dibuat sendiri dengan mudah dan banyaknya.<sup>44</sup> Menurut

beliau, masih ada lagi yang mahu mempersoalkan kemampuan bangsa Eropah kerana mereka menguasai ilmu sains dan teknologi sedangkan dunia Islam tidak. Walhal apa yang berlaku ialah orang Eropah mampu melakukannya sedangkan umat Islam tidak.

Sebagai jawapannya, penguasaan ilmu sains dan teknologi banyak bergantung kepada keupayaan intelektual dan kesungguhan. Apabila kedua perkara ini wujud, penguasaan sains dan teknologi akan dengan sendirinya menyusul. Sejarah membuktikan bahawa di penghujung tahun 1868 negara Jepun masih berada pada tahap yang serupa dengan negara-negara sebelah Timur yang lainnya. Sebaik sahaja mereka bertekad untuk menyertai barisan negara maju, orang jepun mula mempelajari pendekatan dan kaedah orang Eropah serta berusaha memiliki teknologi moden. Mereka telah mencapai kejayaan dalam tempoh enam puluh tahun sahaja.<sup>45</sup>

Kalaularang Jepun boleh memiliki ilmu sains Barat dan berjaya mencapai status seperti negara Eropah sedang mereka terus berpegang kepada agama dan tradisi, tentunya umat Islam boleh melakukan perkara yang serupa dan terus berpegang kepada Agama serta tradisinya. Orang Jepun terus mempertahankan identiti keJepunannya. Kegigihan usaha adalah teras tercapainya matlamat ini. Di mana ada usaha di situ ada jalan.<sup>46</sup> Orang Islam tidak boleh mengenal erti putus asa.

Amir Shakib Arsalan memetik *Journal de Geneva* bertarikh 20 Oktober 1930 menyiarkan catatan seorang pengembara yang melawat Jepun bagi menggambarkan kebanggaan orang Jepun memelihara identiti nasionalnya, bahasa, seni, agama dan apa yang mereka miliki. Sebahagian catatannya menyebut:

*The Japanese loves art above everything else. If you find a Japanese engaged in money-making, you must understand that money is for him a means to an end. In the final analysis,his end is something to do with grace and beauty. Next in intensity to his desire for appreciation of beauty is his ardent nationalism, which goes deep into his heart. He feels proud of his nation, which emerged from the*

*tottering state of medieval feudalism and rose within the short span of sixty years to the rank of a great nation.*<sup>47</sup>

Amir Shakib Arsalan juga memetik apa yang dilihatnya sebagai perkara yang ditiru oleh Jepun dari Eropah dan Amerika dan perkara yang dipertahankannya pula dari seorang penulis Perancis bernama Marquis Lamazelier yang menulis sebuah buku mengenai Jepun. Penulis Perancis tersebut menyatakan:

*Japan began to borrow from Europe and America part of their materialistic civilization, their military system, their mass education and their methods of public administration of public finance. Their reformers were engaged in copying only what they found to be the best in each nation. This was a project of revival, which initially involved demolition and then rebuilding. This movement has begun to make itself felt in all walks of life in Japan.*<sup>48</sup>

Setelah membuat penelitian terhadap *Sino – Japanese War*, penulis tersebut merumuskan:

*Japan's victory over China is not only a demonstration of the superiority of the scientific knowledge Japan has acquired from the West, but also shows that by her sheer will and determination, an Asian nation knows how to choose what is best for her from the Western civilization, while retaining her independence, national identity, worldview, arts, and culture.*<sup>49</sup>

Apa yang diperlukan oleh umat Islam adalah jihad bagi sebenar-benarnya meletakkan dunia Islam dan martabatnya sesuai dengan sifat “Islam itu tinggi dan tidak ada yang lebih tinggi dari Islam”. Semestinya ia dibuktikan dengan pencapaian umat Islam yang cemerlang dalam pelbagai bidang.

Amir Shakib Arsalan menutup bicara dengan katanya bahawa kelemahan umat Islam adalah kerana kita kurang bersungguh dan halangan kita adalah sifat tidak yakin diri serta mudah berputus asa. Dengan disiplin yang kuat, dengan iltizam dan kesungguhan untuk maju ke hadapan, dengan bekalan kefahaman serta keimanan yang teguh terhadap al-Quran, maka umat Islam boleh berusaha dan terus berusaha. Hanya apabila kesemuanya itu dilaksanakan harapan akan menjadi kenyataan.<sup>50</sup>

### **ZAMAN MEMBANGUN SEMULA KEGEMILANGAN ISLAM**

Dunia Islam sebenarnya perlukan kepimpinan yang mampu menyatukan mereka kembali. Usaha ini sememangnya tidak mudah, tetapi tanggungjawab besar ini perlu dilaksanakan. Ia juga perlu bermula dengan kepimpinan seluruh negara Islam dunia yang bersedia untuk bermuafakat dan menghurai isu ataupun permasalahan secara bersama. Wadah permuafakatan ini iaitu OIC perlu kerap bersidang dan memutuskan perkara atas semangat ukhuwah Islamiah dan bukannya kepentingan negara bangsa ataupun lebih buruk lagi mewakili suara orang luar (yang memusuhi Islam) dan peranannya tidak ubah seperti juru bicara semata-mata.

Setiap negara perlu menjadikan pembangunan tamadun sebagai agenda kerja yang utama. Pelan tindakan yang komprehensif perlu dilaksanakan secara efektif. Kefahaman rakyat haruslah dibina agar setiap seorang dari mereka dapat memainkan peranannya dengan menjadikan negara ini pusat kecemerlangan dalam pelbagai bidang. Ajaran Islam telah diusahakan untuk diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan yang realistik dan praktikal. Ia menjadi lebih terserlah apabila banyak negara dunia yang mempelajari kaedah kita membangunkan negara berdasarkan ajaran Islam.

Malaysia yang telah diberikan kepercayaan oleh dunia untuk memimpin NAM ataupun Kumpulan Gerakan Negara-negara Berkecuali serta pada masa yang sama juga menerajui OIC ataupun Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam, berupaya memberikan ruang yang lebih untuk mencorak hala tuju dunia. Sama ada suka ataupun tidak, hari ini, Malaysia adalah satu-satunya negara yang menjadi juru bicara dunia Islam di persada antarabangsa. Keberanian kepimpinan Malaysia dan kelantangannya ada kalanya mengundang kecaman dan ancaman dari pihak yang tidak selesa dengan sikap kita. Namun, di atas nama perjuangan Islam, ia tetap dilaksanakan juga. Seringkali kita diperingatkan, "*Islam itu tinggi dan tidak ada yang lebih tinggi darinya*". Sewajarnya kita bersama berusaha menjelaskan ketinggiannya di alam yang nyata.

## RUMUSAN

Berdasarkan kepada perbincangan di atas bolehlah dirumuskan bahawa pertama, umat Islam mesti mempelajari sejarah kebangkitan dan kejatuhan tamadun Islam dengan pendekatan yang konstruktif. Pendekatan konstruktif yang dimaksudkan adalah dengan menganalisis faktor yang menyumbang kepada kegemilangannya dan juga kelemahannya . Ia tidak memadai dengan sekadar pengkisahan peristiwa silam. Pengkajian yang bersifat *cause – effect* ini seterusnya dan sewajarnya membangkit kesedaran dan keinsafan bahawa kegemilangan tamadun adalah tuntutan akidah dan keagamaan yang wajib ditunaikan, bahkan pengabaianya adalah jenayah yang tidak boleh dimaafkan. Ia selanjutnya berupaya memotivasi diri untuk memainkan peranan sama ada kecil ataupun besar, asal sahaja dapat turut serta menyumbang ke arah pembangunannya. Sekiranya perlu, pendekatan pengajian sejarah dan tamadun Islam harus dikaji dan diperbaharui.

Kedua, kesedaran dan minat untuk membangun tamadun sewajarnya dipupuk dari peringkat seawalnya. Barangkali sistem pendidikan negara dapat terlibat secara langsung dalam mengembangkannya. Ia perlu berlaku secara bersepada dengan

meletakkannya untuk turut disemarakkan dalam setiap mata pelajaran dan bukannya semata-mata melalui subjek yang dikhkususkan pembicaraannya mengenai tamadun. Dalam hubungan ini juga, mata pelajaran pembangunan reka cipta boleh dimajukan. Melalui daya reka cipta dan kreativiti yang tinggi dapat dilahirkan. Mereka akan lebih yakin dalam kehidupan kerana dirinya sudah dilatih membuat penemuan dan penghasilan serta berkebolehan.

Ketiga, pendidikan dan pengilmuan adalah merupakan proses teras ke arah membangun kegemilangan tamadun. Satu modul pendidikan agama Islam yang komprehensif meliputi aqidah, akhlak, ibadah (fardhu ‘ain dan kifayah), fiqh, syari’ah, usuluddin dan tasawwuf merentasi pelbagai peringkat, rendah hingga ke universiti perlu diperingkat mutunya dan dibaiki pendekatannya. Di universiti pula, meskipun para pelajar menjurus kepada bidang selain dari agama Islam, seperti sains dan teknologi, mereka perlu terus dibekalkan dengan ilmu-ilmu tersebut ke tahap penguasaan sebaiknya. Kita harus ingat bahawa generasi ilmuawan terdahulu menguasai ilmu agama Islam ditahap tertinggi sehingga layak digelar ulamak. Tahfiz ataupun hafalan al-Quran perlu digalakkan. Sekiranya dirancang dari peringkat awal, tidak mustahil di peringkat usia pendidikan menengah, seluruh al-Quran telah dihafaz. Mungkin juga, secara formal hanya sebahagian besar dari al-Quran dapat dihafaz (jika tidak keseluruhan), ia mudah-mudahan dapat merangsang penyudahan secara individu secara berterusan. Ia bukan sekadar memperkuuhkan kekuatan minda tetapi juga kerohanian.

Yang keempatnya ialah selain daripada itu, ilmu yang secara langsung menjurus kepada penguasaan sains dan teknologi perlu dimajukan seluasnya. Ini meliputi mata pelajaran sains- biologi, kimia, dan fizik. Ia juga turut meliputi matematik. Sebagaimana yang dinyatakan sebelumnya, pelajar perlu nampak dan merasai serta secara amali menghayati secara sesungguhnya relevannya dan pentingnya subjek-subjek yang dipelajari yang bukan sahaja melalui ujian makmal tetapi juga dalam bentuk reka cipta produk penghasilan pelajar sendiri melalui ilmu yang dipelajari. Matematik misalnya, tidak boleh terus diajar dalam bentuk yang abstrak. Bagaimana

matematik berperanan dalam kehidupan perlu dibudayakan. Contohnya, bagaimana matematik berperanan dalam pembinaan sebuah bangunan. Meskipun ia dilihat lebih relevan kepada bidang kejuruteraan dan arkitek atau senibina, peranannya tetap ada. Bagi anak di peringkat rendah, memadai jika ia dimulakan dengan pembinaan model rumah pangsa menggunakan kotak ubat gigi. Kesannya, secara fizikal matematik dapat dihayati. Kaedah ini juga barangkali akan menambah nilai seronok dan merasai nikmat kepada subjek berkenaan. Generasi ilmuawan silam sangat menguasai ilmu sains dan matematik sebagai teras pembangunan dan penciptaan teknologi.

Kelima, penguasaan bahasa yang pelbagai juga sangat penting. Ini meliputi bahasa Arab dan Inggeris serta bahasa-bahasa yang lain seperti Jepun, Perancis, dan Jerman. Jangan diketepikan juga bahasa Mandarin. Bukan semua orang perlu menguasai semua bahasa, tetapi sebaiknya seorang individu menguasai banyak bahasa. Barangkali ia dimulakan dengan bahasa komunikasi (lazimnya keupayaan berkomunikasi menambah keyakinan) dan dilanjutkan ke peringkat bahasa secara pengkhususan untuk menguasai ilmu. Dalam konteks hari ini, bahasa Inggeris dan Arab sebaiknya menjadi satu kemestian. Satu bagi memahami khazanah ilmu yang banyak ditulis dalam bahasa Inggeris dan keduanya bagi lebih memahami kandungan al-Quran dan karya-karya Islam yang banyak ditulis dalam bahasa Arab. Sarjana silam adalah orang yang menguasai banyak bahasa. Bahkan kita diperingatkan, dengan menguasai bahasa asing, kita akan mengetahui budaya dan tipu daya masyarakat berkenaan.

Keenam, ilmu-ilmu yang bersifat sains kemanusiaan yang lain mesti dibangunkan setingginya. Setiap kepakaran akan menyumbang kepada pembangunan tamadun. Kita insaf bahawa tamadun bukanlah bererti sains dan teknologi semata-mata. Sains kemanusiaan adalah aspek yang tidak boleh diabaikan. Ini meliputi bidang ilmu seperti ekonomi, sosiologi, psikologi, politik, pendidikan, undang-undang dan berbagai lagi. Pengembangannya semestinya sepesat pembangunan sains dan teknologi itu sendiri memandangkan ilmu-ilmu ini perlu menyatakan sudut

pandangannya ataupun melaksanakan peranannya yang tersendiri seiring sains dan teknologi sama ada bersifat proaktif ataupun reaktif.

Ketujuh, kekuatan dan kestabilan politik sentiasa diutamakan. Segenap usaha dan gerak kerja bagi memastikan keberkekalan keadaan tersebut perlu dilaksanakan. Pendekatan terbaiknya, orang politik dan kepimpinannya mesti melaksanakan amanah dan kerjanya. Pada ketika yang sama, perkara-perkara yang dijangka mampu menggugat kestabilan tersebut perlu diatasi dengan pendekatan yang paling bijaksana sama ada secara rundingan ataupun proses perundangan termasuklah yang bersifat langkah-langkah preventif. Dalam keadaan tidak tenteram ataupun huru-hara, masa dan tenaga akan banyak tertumpu kepada menghurai dan mengatasi situasi tersebut. Kerja membangun tamadun akan terbantut.

Kelapan, usaha membangun ekonomi adalah merupakan paksi kepada pengupayaan pembangunan yang lain dalam rangka membangun tamadun. Idea dan agenda kerja yang baik sukar dilaksanakan tanpa dorongan kewangan yang mantap. Sebarang bentuk sabotaj ekonomi sama ada bersifat luaran dan dalaman semestinya dihapuskan. Bentuk tindakan yang perlu diambil adalah bergantung kepada kebijaksanaan kepimpinan. Tanpa kekuahan ekonomi agenda pendidikan, keagamaan, dan ketenteraan tidak mungkin dapat dilaksanakan. Apa yang perlu diperhatikan dan dibasmi adalah penyelewengan.

Yang akhirnya ialah faktor akhlak, nilai, etika dan budaya yang mendasari jati diri perlu disemai sedalamnya sehingga dia bercambah dan hidup subur dalam diri setiap individu. Komponen tamadun itu mempunyai dua dimensi – pertamanya produk ataupun barang dan yang keduanya adalah orang. Tahap ketamadunan yang tinggi dari aspek material tidak membawa makna tanpa kewujudan dan pembangunan insaniah. Nilai rohani ini yang akan memastikan aspek yang fizikal itu sentiasa membawa manfaat kepada dunia dan tidak mengarah kepada kemusnahan dalam apa jua bentuknya. Jangan dilupakan faktor kesukanan, rekreasi dan kebudayaan (sama ada karya sastera, muzik atau persembahan bermutu – pentas, filem dan lain-lain).

Tanpa adanya unsur-unsur ini, kehidupan boleh menjadi kaku dan gersang. Islam sangat mengambil berat faktor-faktor ini dan dalam zaman kegemilangan silam, ia turut mencapai kemuncak kegemilangan. Secara umumnya, kelemahan umat Islam pada hari ini bukanlah pada kuantitinya tetapi pada kualitinya. Umat Islam tidak boleh merasa rendah diri, takut dan menjadi pengecut, lemah semangat dan malas serta bermotivasi rendah. Penyakit-penyakit psikologi umat. Psikologi yang dinamik ini disertai pula dengan agenda kerja yang mantap dan pelaksanaan yang efektif.

Di samping itu, dunia Islam perlu berubah sikap dengan melihat setiap kemelut dan masalah yang melanda negara Islam sebagai masalah dunia Islam seluruhnya dan bukannya masalah sesebuah negara bersebut semata-mata. Hari ini kita melihat banyak negara Islam yang hidup dalam keadaan sukar dan miskin. Dalam masa yang sama, banyak juga negara Islam yang kaya raya. Dualisme ini masih berlanjutan. Seandainya semangat persaudaraan diutamakan, barangkali jurang ini dapat diminimumkan. Umat ini perlukan satu agenda besar bagi mengembalikan kegemilangan. Hanya kepimpinan yang berwawasan mampu merangka pelan tindakan yang komprehensif, holistic, dan inklusif serta seterusnya merangka pendekatan pengoperasian yang efektif.

Pencapaian cemerlang umat Islam dalam menghayati tuntutan al-Quran dalam bidang pendidikan, ekonomi, pertahanan, sains dan teknologi, serta politik akan menjadikan mereka umat yang digeruni dan dihormati lantaran kekuatan yang dimilikinya sebagaimana yang sewajarnya. Itulah jihad suci umat. Firman Allah sangat menginsafkan kita:

*Dan mereka yang berjihad pada jalan Kami, nescaya Kami tunjukkan kepada mereka Jalan Kami, sesungguhnya Allah bersama dengan orang yang benar.<sup>51</sup>*

## RUJUKAN

- Abdul Karim Zaidan. 1987. *Usul-ud da'wah*. Beirut: Muassasah ar-Risalah & Baghdad:
- Maktabah al-Quds. Cetakan Kedua.
- Amir Shakib Arsalan. 2004. *Limadha ta-akhar-al-Muslimun wa limadha taqaddama qhayruhum (Our Decline: Its Causes and Remedies)*. Terj. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Drapper, J.W. 1992. History of the intellectual development of Europe. *History of the World*. 01 January.
- Khairul 'Azmi Mohamad and Abdul Monir Yaacob. (pnyt.). 2000. *Perlaksanaan hukum syarak di Malaysia*. Johor Bharu: Pejabat Ketua Penerangan dan Penyelidikan Kerajaan Negeri Johor.
- Khairul 'Azmi Mohamad and Faizal Fadzil. (pnyt). 2001. *Konsep pembangunan ummah dalam Islam: Perspektif Malaysia*. Johor Bharu: Pejabat Ketua Penerangan dan Penyelidikan Kerajaan Negeri Johor.
- Khairul 'Azmi Mohamad and Nooraini Othman. 2004. The concept of knowledge society and quality of life from the Islamic perspective. *Jurnal IKIM*, Vol. 12 (2) (July/December).
- Khairul 'Azmi Mohamad. Cabaran globalisasi: peranan Malaysia dalam agenda kerja dunia Islam, Kertas kerja dibentangkan dalam *Seminar Mempertahankan Maruah dan Kedaulatan Negara: Menangani Agenda Serantau dan Antarabangsa*, anjuran Pertubuhan Alumni Kelab-kelab UMNO Luar Negara, bertempat di Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP (ESSET), Bangi, Selangor Darul Ehsan, pada 20-21 Mei 2003.
- Lewis, B. 2001. *The Muslim Discovery of Europe*. New York: W.W.Norton & Company.
- Malik Bennabi. 1998. *On the Origins of Human Society*. Diterjemahkan dan dianotasikan oleh Mohamed Tahir El-Mesawi. London, Toronto, dan Kuala Lumpur: The Open Press.
- Mohammad Hashim Kamali. 1989. *al Siyasah al-Syar'iyyah* (The policies of Islamic government). IIU Law Journal. Vol 1(1): 139-164.